

# ISLAM, SIAHAH DAN KEBANGSAAN

## OLEH RAKYAT DARI RAKYAT KERANA RAKYAT MUSLIM

Tajuk di atas ini adalah menjadi dasar seruan Islam, dan tiap-tiap pertubuhan siasat yang berdasarkan Islam ataupun menamakan dirinya Islam, tiada boleh lari daripada dasar tersebut. Sebarang pertubuhan yang memanggil dirinya “pertubuhan Islam” pada hal dasarnya terbuka seperti tajuk di atas maka pertubuhan itu tidak terlepas daripada dua perkara, pertama : pertubuhan itu hanya bertopengkan Islam untuk mencari pengaruh di kalangan rakyat jelata yang beragama Islam, atau kedua : pertubuhan itu kurang faham atau tak faham sama sekali akan asas dan tiang-tiang yang menuju perdirian Islam itu.

### (Oleh Muslim)

Dalam zaman ini dasar demokrasi adalah menjadi seperkara besar yang dibangga-banggakan oleh dunia barat dan ditiru-tiru pula oleh Timur yang terpengaruh dek kebudayaan barat itu. Demokrasi yang di barat itu ada bermacam-macam bentuk dan rupanya, iaitu demokrasi corak British, demokrasi corak Soviet Russia dan demokrasi corak Amerika dan berbagai-bagai lagi. Masing-masing itu mendakwa bahawa demokrasinyalah yang tulen dan baik. Maka saya di sini tiadalah berniat dan bermaksud hendak menentukan mana satu corak demokrasi yang tersebut itu yang lebih baik lagi utama kerana kerja mengutamakan satu corak atas satu corak yang lain sudah ada hujah-hujahnya dan pahlawan dakyahnya – yang saya bukan seorang daripada mereka itu.

Sebagaimana seorang Muslim yang sudah membaca sedikit sebanyak berkenaan dengan agamanya, maka saya hanya akan membicarakan di sini corak demokrasi Islam iaitu demokrasi tulisan yang adil lagi penuh kemanusiaan.

Pada zaman ini setengah orang-orang kita khas orang-orang yang terkenal sebagai ulama, yang singkat fahaman berkenaan dengan Islam telah terpedaya lalu melaung-laungkan demokrasi yang digambarkan oleh ayat : “ oleh rakyat dari rakyat untuk

rakyat”. Demokrasi seumpama ini tiada dikenal sama sekali oleh Islam, kerana Islam dalam ajaran-ajarannya menuntut orang-orangnya supaya segala gerak gerinya dan tingkah lakunya serta amal perbuatannya diuntukkan kerana Allah semata. Maksud dan tujuan menguntukkan segala-galanya itu kerana Tuhan ialah supaya manusia itu jujur dan ikhlas serta tidak membuat sesuatu kerana tamakkan harta , atau kebesaran, atau muslihat diri, yang semuanya itulah yang menjadi punca bala’ bencana yang sedang mengharu dunia sekarang ini.

Dasar Islam yang menentukan segala-galanya itu untuk tuhan semata itulah yang akan menghapuskan bersih pertelagahan pertentangan dan perselisihan antara sesama manusia, kerana kalau semua orang sudah bekerja kerana satu tujuan dan berharap daripada satu pihak sahaja tentu tidak akan berbangkit iri hati dan hasad dengki serta khianat, kerana semua orang-orang itu telah diberitahu siang-siang bahawa semulia-mulia dan sebaik-baik manusia di sisi Allah ialah yang lebih takwanya yakni yang lebih amal kebajikannya kepada Allah dan kepada hamba-hambanya “makna ini telah ditunjukkan dengan terangnya oleh firman Tuhan : “ *innā akramākum ind Allāh at qākum*” dan hadis : “*kal kumīlā Allāh waḥbikum ilā*

*Allāh anfa'akum li'iyālahi*". Apa lagi yang hendak didengki hasadkan oleh seseorang atas seseorang lain kalau habuannya di dunia dan akhirat diukur dari segi amal kebajikannya bukan dari segi bermuka-muka dan mengampu-ngampu.

Sayogia difaham bahawa Islam itu adalah demokrasi jiwanya dan demokrasi kulit luarnya, tetapi hendaklah diketahui bahawa demokrasi Islam itu bukanlah demokrasi Inggeris dan bukanlah demokrasi Amerika. Jauh sekali demokrasi Russia. Bukan pula demokrasi Islam itu campuran daripada demokrasi-demokrasi tersebut. Malahan demokrasi Islam adalah demokrasi tunggal yang bersendirian lagi tidak ada tolok bandingnya, yang di dalamnya terhimpun segala yang baik dan bagus dari semua peraturan-peraturan yang ada di dunia ini dari semenjak dahulu hingga hari ini.

Dengan keterangan ini nyatalah betapa salahnya sesebuah Pertubuhan Islam yang berdasarkan Islam membuat corak demokrasi atau corak kemerdekaan yang dituntutnya menurut gambaran bidalan politik yang masyhur, iaitu "oleh rakyat dari rakyat kerana rakyat" "demokrasi atau kemerdekaan yang dipandu oleh falsafah "semua rakyat" itu akan dipenuhi oleh hawa nafsu dan tamak haloba serta faham kebendaan yang ialah menjadi sasaran serangan ajaran-ajaran Islam.

Demokrasi Islam yang mengatakan segala-galanya untuk Tuhan dan kerana Allah Ta'ālā itu tidak mengenal peraturan yang menjadikan ketua negara atau sebarang ketua itu di atas undang-undang yakni tidak boleh dihukum dengan undang-undang bagaimana seorang rakyat boleh dihukum. Ketua-ketua negara dalam pandangan Islam dan mengikut demokrasi Islam adalah terletak di bawah kuat kuasa undang-undang sama seperti dengan seorang rakyat biasa dan bukan undang-undang itu di bawah kuat kuasanya dan boleh dibatalkan atau dimansuhkan atau ditahannya perjalanannya untuk sementara waktu. Ketua itu tidak layak mendapat taat setia rakyatnya tentang perkara-perkara maksiat bagaimana sabda Rasulullah *"lātā'at limakhlūq fī ma'siat al-Khāliq"*

Sebabnya maka Islam mengambil sikap yang demikian itu terhadap kepada ketua negara atau sebarang lain ketua ialah supaya seseorang yang dijadikan ketua itu tidak menggunakan kekuatannya dengan nama Allah bagi bermaharajalela yang akan menyebabkan lenyapnya demokrasi yang sebenarnya. Dianjurkan sebabnya ialah supaya ketua itu dalam suruhnya dan larangannya berinya dan tadbirnya, serta dalam hukumnya dan ampunannya. Tidak akan dipengaruhi oleh kecenderungan hatinya atau kasih bencinya. Lihatlah! Adakah satu corak demokrasi yang sebenar-benar demokrasi lebih indah daripada corak Islam ini?

Saya telah katakan di atas tadi bahawa dengan menguntukkan segala-galanya kerana Allah maka tidak akan ada dengki khianat dan iri hati yang buruk di kalangan manusia, sebabnya ialah kerana semua sifat-sifat keji itu tidak akan ada tempat baginya di dalam batin manusia kiranya manusia itu telah yakin bahawa kelebihan yang diperoleh oleh seseorang itu tidak didapatinya dengan kecenderungan hati pengurniannya, ( yakni Tuhan) malahan dengan sebab amal usahanya dan kerajinannya pada mengerjakan perkara-perkara kebajikan. *"Wān līsā lalā nisā an alā māsa'ī wa ān sa'yyat sawfa yurā"* kalau seseorang itu berkehendakkan kelebihan seumpama yang ada pada lain orang atau pun lebih besar daripadanya hendaklah ia berusaha dan beramal nescaya ia akan dapat bagaimana hajatnya kerana tuhan yang mengurniakan itu bersifat pemurah dan pengasih dan tidak memandang melainkan kepada amal dan usaha hamba-hambanya bukan kepada kacak dan lawa seseorang itu bijak pandainya petah tuturnya katanya.

Falsafah Islam ini yakni falsafah segala-galanya " kerana Allah" bukan sahaja membunuh sifat-sifat buruk, tetapi dalam pada ia membunuh dan mengikis itu, ia menyemaikan di tempatnya sifat-sifat baik, iaitu sifat suka berlumba merebut kelebihan.

Islam dalam ajaran-ajarannya telah menyelar dengan kerasnya akan sifat-sifat hasad dengki dan tamak haloba, kerana sifat-sifat itulah yang menjadi punca dan asal segala sifat buruk yang ada pada manusia.

## PANDUAN RASULULLAH (SAW)

Pendek kata adalah Islam itu memerangi falsafah “ semua rakyat” yakni “oleh rakyat dari rakyat untuk rakyat” kerana itulah falsafah kebendaan yang menjadikan tamadun sekarang suatu tamadun yang ngeri dan cemar.

Islam dengan segala ajaran-ajarannya adalah bertujuan hendak menegakkan faham atau falsafah “ketuhanan sejagat” maksud ketuhanan di sini bukanlah bererti yang kita orang-orang Islam mesti membenci orang kafir atau memerangi dan memusuhi mereka. Tujuan dan maksud ketuhanan di sini ialah supaya manusia kenalkan Tuhannya dan berhubung rapat dengannya. Dengan menaruh sepenuh-penuh minat kepadanya. Maka dengan adanya perhubungan dan minat itu dapatlah manusia itu mengambil rohani yang suci daripada Tuhannya iaitu rohani yang akan menaikkan mutu manusia kepada makam kemanusiaan yang sempurna lagi suci. Maksud ketuhanan di sini ialah supaya orang-orang Islam mengisi batin mereka dengan seruan “Allah itulah tujuan kami yang akhir”.

Maksud “sejagat” disini ialah bahawa ketuhanan yang diseru oleh Islam itu bukanlah ketuhanan untuk satu tempat atau negeri atau untuk satu kaum dan umat. ketuhanan itu dikehendaki meliputi seluruh dunia dan dikehendaki meliputi sekalian manusia. Manusia pada pandangan Islam adalah asalnya satu, bapanya satu dan satu pula keturunannya. Seseorang itu tidak mempunyai kelebihan melainkan kadar takwanya, amal kebajikannya dan hisabnya yang dilimpahkannya kepada orang ramai. Islam tidak percayakan perkauman dan tidak galakkan kebangsaan serta tidak mengakui dasar warna kulit. Islam menyeru kepada persaudaraan yang adil dan penuh kasih sayang diantara semua manusia.

Demikianlah rupa dan gambar corak demokrasi Islam yang berasaskan ketuhanan itu, saya bentangkan dengan serba ringkas bagi menunjukkan bahawa demokrasi Islam bahkan peraturan Islam itu adalah bukan tiruan- atau campur aduk daripada peraturan-peraturan yang ada sekarang atau yang dahulu kala adanya.

Muadz berkata, saya telah berkata kepada Rasulullah (SAW)

“Ya Rasulullah , khabarkanlah kepada saya akan suatu amal yang menyebabkan saya masuk syurga dan menjauhkan saya daripada api neraka”

Baginda pun menjawab : “Engkau wahai Muadz- telah bertanya akan suatu perkara yang besar, tetapi mudah sekiranya Allah Azza Wajalla memudahkannya bagi seseorang itu. Hendaklah engkau menyembah akan Allah dengan tidak menyekutukan sesuatu pun dengannya, dirikanlah sembahyang, keluarkanlah zakat, puasalah pada bulan Ramadhan, dan naiklah Haji ke Baitullah.”

Setelah itu Baginda bersabda lagi : “Mahukah aku tunjukkan kamu akan pintu-pintu kebajikan ? Puasa itu ialah pendinding, bersedekah pepadam akan dosa sebagaimana air memadamkan api, sembahyang seseorang itu pada tengah malam (lalu dibacanya ayat Quran : *‘tatajā fā junūbuhum ani al-maḍāji’* Hingga sampai kepada *‘ya ‘malūn’* 16, 17 Al-Sajadah)

Setelah itu baginda bersabda lagi:

“Mahukah aku tunjukkan kamu akan “Kepala” perkara itu dan “tiang terasnya” serta kemuncaknya?” “bahkan!” jawab saya.

Maka baginda pun menerangkan lagi : “Adapun “kepala” perkara itu ialah Islam, dan “tiang terasnya” ialah sembahyang, manakala berjihad itu ialah kemuncaknya”

Setelah itu baginda bersabda pula: “Mahukah aku khabarkan kamu akan perkara yang meliputi segala yang tersebut itu?”

“Bahkan!” jawab saya. Sambil menunjukkan lidahnya junjungan bersabda lagi: “Peliharakanlah ini” saya pun bertanya : “Ya Nabi Allah, adakah kita akan dihisab segala tutur kata kita?”

Tiba-tiba baginda menjawab dengan menempelak :

“Tidakkah manusia yang dipertiarapkan di neraka jahanam atas muka atau atas hidung mereka disebabkan hasil lidah mereka?”